

# Laporan Ketua Audit Negara: Lebih 10,000 isu dibangkitkan selesai – JPM



## Laporan Ketua Audit Negara: Lebih 10,000 isu dibangkitkan selesai – JPM

Oleh Fahmy A Rosli - September 1, 2023 @ 10:15pm

fahmy\_azri@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menandatangani plak program ketika hadiri perjumpaan bersama pengurusan dan warga Jabatan Audit Negara hari ini. - BERNAMA

KUALA LUMPUR: Sebanyak 10,803 daripada 11,224 isu dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara sejak 2011 berjaya diselesaikan di peringkat Persekutuan dan negara.

Dalam satu kenyataan hari ini, Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) pada 6 Julai lalu bersetuju supaya Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan secara berkala dalam mesyuarat jemaah menteri.

Jelas jabatan itu, tindakan affirmatif sedemikian berupaya meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dan menambah baik persepsi dunia terhadap negara ini.

"Jabatan Audit Negara akan sentiasa peka dan prihatin dalam menjalankan kuasa pengauditan untuk memeriksa dan menyiasat pengurusan wang awam dengan tumpuan kepada kepentingan rakyat dan akauntabiliti kementerian serta jabatan kerajaan terhadap wang pembayar cukai yang dibelanjakan.

"Jabatan Audit Negara akan terus menjalin kerjasama dengan semua pihak termasuk agensi awam dan badan lain yang berkaitan demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara," katanya.

Dalam usaha memartabatkan peranan Juruaudit Malaysia serta pengauditan sektor awam di persada antarabangsa, JPM memaklumkan Jabatan Audit Negara memperkenalkan beberapa inisiatif baharu.

Pertama, mempelopori usaha untuk membangunkan standard pengauditan antarabangsa khusus dalam mengaudit syarikat kerajaan.

Kedua, kaedah pengauditan penilaian kendiri secara rintis mulai 2023 yang membolehkan pemantauan lebih menyeluruh dilaksanakan terhadap aspek tadbir urus dan kedudukan kewangan syarikat kerajaan di Malaysia.

Ketiga, menyumbang kepakaran melalui keanggotaan dalam Ahli Lembaga Pentadbir ASOSAI sejak 2012.

Keempat, Malaysia dilantik sebagai Pengerusi ASEANSAI Knowledge Sharing Committee sejak penubuhannya pada 2011.

